

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Fikiran Amir menjadi semakin _____ apabila dia terpaksa pulang ke kampung sedangkan dia tidak mempunyai wang.
A kedut C keliru
B kusut D gundah
- 2 Ayah _____ lalang di belakang rumah agar tidak menjadi sarang haiwan berbahaya.
A menebas C memotong
B menghiris D mencantas

Soalan 3

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Penduduk-penduduk kampung
A
bergotong-royong untuk membina semula
B
rumah Pak Leman yang musnah akibat
C
banjir. Tiada kesalahan.
D

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Artikel ini membincangkan tentang potensi cendawan untuk dijadikan bahan makanan dan perubatan.
A berbincang potensi
B membincangkan potensi
C membincangkan potensi tentang
D membincangkan tentang potensi

Soalan 5

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 5 Aiman mengenali Aisyah melalui hubungan rapatnya dengan Abdullah yang merupakan rakan sekolej.
A Abdullah mengenali Aisyah di kolej yang didiami oleh rakannya, Aiman.
B Aisyah dikenali oleh Abdullah melalui Aiman yang merupakan rakan sekolej yang rapat.
C Hubungan rapat antara Aiman dan Abdullah telah menjadikan mereka terkenal di kolej Aisyah.
D Abdullah telah menjadi penghubung perkenalan antara Aiman dengan Aisyah kerana mereka merupakan rakan sekolej.

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 "Janganlah kamu bersikap _____ semasa menyelesaikan tugas ini," pesan Azmi selaku ketua kumpulan.
A ambil hati C lepas tangan
B angkat kaki D ringan tulang

Bahagian B

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Tidur Alisa terganggu akibat selsema sejak tiga hari yang lalu.

(b) Pertandingan kawat kaki itu telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Tinggi Kajang.

(c) "Janganlah kamu terlalu taksu kepada seseorang pemimpin," pesan datuk.

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Rumah baharu guru saya terletak antara dewan orang ramai dengan taman permainan.

(b) "Lain-lain hal akan kita bincangkan dalam mesyuarat akan datang," kata penghulu.

(c) Kakak melapik permaidani baharu itu di ruang tamu.

3 Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif.

(a) Kita tidak boleh membiarkan alam ini terus tercemar.

(b) Laili menyediakan lauk-pauk yang istimewa itu sempena meraikan pembukaan restoran baharunya.

(c) Doktor Faridah membuka balutan pada kaki pesakit itu dengan berhati-hati.
